

Hujan lebat: Sabah diletak dalam keadaan berjaga-jaga

Oleh JAMDI NASIR

BEAUFORT 7 Jan. - Hujan lebat yang kembali melanda sekitar daerah ini pada petang ini menyebabkan seluruh jentera Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam di sini kembali berjaga-jaga kemungkinan air semakin naik.

Banjir yang melanda Beaufort sejak Jumaat lalu kembali pulih pagi ini selepas cuaca baik sepanjang hari semalam membolehkan kebanyakan penduduk kembali ke rumah masing-masing.

Penolong Pegawai Daerah Beaufort, Mohd. Shaid Othman berkata, pada masa ini 291 penduduk daripada 91 keluarga masih berada di pusat penempatan banjir di Dewan Pak Musa, di sini.

"Jumlah itu berkurangan berbanding le-

bih 400 orang semalam. Tetapi kita agak bimbang dengan hujan lebat kembali melanda di sekitar Beaufort, petang ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau memberitahu, bekalan air bersih kepada seluruh penduduk di seluruh daerah Beaufort juga terjejas berikutan kerosakan pam di loji air menyebabkan pihaknya terpaksa mendapatkan bantuan lori tangki.

Katanya, pihaknya menyerahkan masalah itu kepada Jabatan Bekalan Air untuk bertindak memulihkan semula masalah berkenaan agar tidak berlarutan.

"Pada masa ini bekalan air hanya menggunakan lori tangki dan pastinya tidak cukup untuk penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir.

"Air itu cukup untuk digunakan bagi minuman dan memasak sahaja," katanya

sambil memberitahu pada masa ini sebanyak 15 jalan menghubungkan bandar Beaufort dengan beberapa kampung masih terputus hubungan berikutan air Sungai Padas yang masih tinggi.

Beliau yang juga Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana daerah berkata, paras air Sungai Padas masih bertahan 9.06 meter pagi ini iaitu paras bahaya.

Beliau memberitahu, pasukan tentera dari Batalion 5 juga telah tiba di Beaufort bagi membantu pemindahan mangsa banjir di sekitar daerah ini.

Di **Nabawan**, kira-kira 20 orang di Kampung Salong kehilangan tempat tinggal apabila tiga rumah yang dibina di tebing sungai dihanyutkan arus Sungai Logongon di Nabawan.

Penolong Pegawai Daerah Nabawan,

Aloysius Anthony berkata, kejadian yang berlaku terlalu pantas itu menyebabkan mangsa tidak sempat menyelamatkan barang milik mereka.

Di **Kinabatangan**, kira-kira 3,000 penduduk di Kampung Pinangah terputus hubungan apabila jalan menghubungkan kampung tersebut ke Jalan Tongod di Sungai Seguan kini dinaiki air sedalam 1.5 meter.

Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin berkata, turut terputus hubungan ialah lebih 1,800 penduduk daripada empat buah kampung iaitu Kampung Tenaga Baru, Keramuak, Keramuak Luar dan Kenang-Kenangan.

"Kita bimbang dengan keadaan ini yang jika berterusan boleh menjejaskan pelajaran anak-anak selain masalah terputus bekalan makanan," katanya.